

PERKEMBANGAN TELUR DAN LARVA IKAN LAMPAM SUNGAI,
Puntius schwanenfeldii (Bleeker)

JULIA BTE JAIS

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1995

PERKEMBANGAN TELUR DAN LARVA IKAN LAMPAM SUNGAI,

Puntius schwanefeldii (Bleeker)

Oleh

JULIA BTE JAIS

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan.

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1995

1100023883

02/00/11/11/11

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
PSF 499 - PROJEK DAN SEMINAR

BORANG PENGESAHAN DAN KELULUSAN AKHIR
LAPORAN PROJEK

Nama Penuntut : Julia Bte Jais
Nombor Matrik : 32216
Nama Penyelia : Dr. Sharr Azni Harmin
Tajuk Projek : Perkembangan Telur Dan Larva Ikan
Lampam Sungai, Puntius schwanenfeldii
(Bleeker).


Dengan ini disahkan bahawa saya telah menyemak laporan akhir projek ini dan

(i) semua pembedulan yang disarankan oleh pemeriksa-pemeriksa telah dibuat, dan

(ii) laporan ini telah mengikut format yang diberikan dalam Panduan PSF - Projek dan Seminar, 1991, Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia.



(Tandatangan Penyelia Utama)



(Tarikh)

Salam pengungkap bicara kutuju:

Teristimewa Buat

Keluarga Tercinta

Dan

Suami

Serta

Anak

Tersayang

Dari penulis,

Kin Fai

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T yang telah memudahkan saya untuk menyiapkan tesis projek tahun akhir ini. Dengan limpah kurniaNya, dapat saya mengatasi segala masalah dan ia banyak memberi pengalaman dan pengetahuan penting dalam kerja praktikal dan amali kepada saya.

Setinggi ucapan terima kasih saya dahulukan kepada penyelia projek iaitu Dr. Sharr Azni Harmin, yang sentiasa membimbing, menunjuk ajar dan memberi nasihat yang berguna sepanjang projek ini dijalankan. Segala jasa baik beliau amat saya hargai.

Disamping itu setinggi penghargaan ditujukan kepada kakitangan Fakulti Perikanan dan Pusat Penetasan UPM khususnya pada Puan Nahariah, En. Azmi, En. Yusof, En. Jasni serta lain-lain yang banyak membantu dan menyediakan kemudahan serta tunjuk ajar bagi memudahkan perjalanan projek ini.

Juga tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang menjadi perangsang dan sama-sama bersusah payah berganding bahu bekerjasama menyiapkan projek masing-masing. Tidak dilupai juga kepada sesiapa sahaja yang telah memberi khidmat dan pertolongan kepada saya sepanjang projek ini.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih terhadap ibubapa serta suami tercinta yang sentiasa memberi semangat di sepanjang projek ini.

Abstrak

Peringkat perkembangan embrio dan larva bagi Puntius schwanenfeldii (Bleeker) telah dikaji di hatcheri. Telur diperolehi melalui kaedah aruhan dengan menggunakan hormon kap pituitari kering sebanyak 6 mg/kg berat badan. Purata garispusat telur yang tersenyawa berukuran 1.02 ± 0.03 mm, tidak melekat, tenggelam serta mempunyai lapisan membran yang lutsinar. Perkembangan peringkat 2 sel telah diperhatikan selepas 20 minit yang pertama sehinggalah perkembangan ekor dan kepala pada masa 6 jam 25 minit selepas tersenyawa. Penetasan telur telah berlaku pada suhu $25 \pm 2^{\circ}\text{C}$. Larva yang baru menetas berukuran 1.96 ± 0.03 mm secara purata panjang. Ianya tidak aktif dan kelihatan sentiasa berada di dasar tangki. Pralarva mengandungi jasad yolka sebagai makanan permulaannya. Selepas penyerapan yolka, larva mula mengambil makanan luaran. Rotifer adalah sesuai sebagai makanan awalan. Didapati semua organ badan yang penting telah berkembang dan berfungsi selepas 30 hari penetasan. Pada masa ini larva dipanggil juvenil dan telah menunjukkan ciri-ciri dan bentuk seperti dewasa terutamanya dengan kehadiran sisik dan juga ruji-ruji sirip.

Abstract

Embryonic and larval development of Puntius schwanenfeldii (Bleeker) were carried out in hatchery. Eggs were obtained through induced breeding technique using acetone-dried carp pituitary hormone at the rate of 6 mg/kg body weight. The fertilized eggs had an average diameter of 1.02 ± 0.03 mm, non-adhesive, demersal and were covered with a thin transparent layer of membrane. The 2 cells stage were observed within 20 minutes, and the development of head and tail were noted 6 hours 25 minutes later. Hatching occurred under normal temperature of 25 ± 2 C. On the average the length of newly hatched larvae were 1.96 ± 0.03 mm. Larvae were inactive and most of the time lay at the bottom of the tank. Prelarva stage utilized yolk sac as their primary food source. Following absorption of yolk sac, the larvae began to utilized exogenous feeds such as rotifers. Organogenesis was completed after 30 days of hatching. At this stage, the larvae were called juvenile and showed resembled the adults, especially with the present of scale and fin rays.